



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI PERAK**

Aras 3 & 4, Menara SSM Ipoh Perak,  
Jalan Basco Kepadayang 1,  
Basco Avenue@Kepadayang,  
31400 Ipoh, Perak

No.Tel : 605 - 246 2100  
Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/perak>

Ruj Kami : ANM.PK.G 600-1/1/2 Jld.5 (1)  
Tarikh : 4 Januari 2023

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr/ Tuan/ Puan,

**ARAHAN PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2023**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan surat Jabatan Perkhidmatan Awam, JPA.800-3/2/4(17) bertarikh 27 Disember 2022 - Bantuan Khas Kewangan 2022, surat Kementerian Kewangan Malaysia, MOF.DS(S)600-40/3/3(43) bertarikh 29 Disember 2022 - Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023 kepada Individu *Contract For Service* serta Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil.6 Tahun 2022 – Peraturan Bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2023 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pembayaran Bantuan Khas Kewangan (BKK) tahun 2023 berjumlah RM700.00 akan dibayar kepada pegawai yang layak tertakluk kepada surat Jabatan Perkhidmatan Awam dan dibayar bersekali dengan bayaran emolumen bulan Januari iaitu pada 17 Januari 2023 (Selasa). Sehubungan dengan itu, YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr/ Tuan/ Puan perlu mengambil tindakan dan perhatian berhubung perkara berikut:

- i. Penyata Perubahan (Kew.8) hendaklah disediakan pada atau sebelum 31 Januari 2023. Jabatan/ Pusat Tanggungjawab/ Pusat Pembayar (Jab/PTJ/PP) perlu menghantar pengesahan bahawa Kew.8 telah disediakan untuk pegawai yang layak menerima BKK Tahun 2023 secara e-mel kepada [gaji\\_prk@anm.gov.my](mailto:gaji_prk@anm.gov.my) ; dan
- ii. Laporan *Payroll Master Listing (PML)* dan Penyata Gaji bulan Januari 2023 perlu disemak dengan teliti bagi memastikan ketepatan pembayaran. Tindakan kutipan **SEGERA** amaun perlu dibuat jika terdapat pembayaran kepada pegawai yang tidak layak menerima BKK 2023 dengan kaedah berikut:
  - a) Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan setaraf termasuk pegawai yang memangku, dipinjam/ tukar sementara dan penempatan khas ke Gred Jawatan Utama/ Gred Khas adalah tidak layak dibayar Bantuan Khas Kewangan. Tindakan pemotongan secara sekaligus hendaklah diambil bagi bayaran emolumen bulan berikutnya bagi pegawai yang masih berkhidmat;
  - b) Kutipan tunai atau kutipan secara *Electronic Fund Transfer (EFT)* hendaklah dibuat daripada pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib buang kerja atau turun pangkat dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 17 Januari 2023;
  - c) Kutipan tunai atau kutipan secara *EFT* hendaklah dibuat daripada pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dan pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2023 sehingga 17 Januari 2023; dan

- d) Kutipan tunai atau kutipan secara *EFT* hendaklah dibuat daripada pegawai berpencen yang melepaskan hak pencen kerana menyertai Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraan.

**Perkara 2ii(b,c dan d)**

Kutipan secara *EFT* hendaklah mematuhi prosedur yang telah diedarkan melalui Surat Edaran Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP) Bilangan 12 Tahun 2022 – Garis Panduan Pengurusan Terimaan Secara *Electronic Fund Transfer (EFT)* Ke Akaun Terimaan Pejabat Perakaunan. Pegawai yang membuat bayaran bertanggungjawab memastikan perihal rujukan bayaran dinyatakan dengan jelas selaras dengan surat edaran berkenaan.

3. Sementara itu, YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr/ Tuan/ Puan adalah diminta untuk mematuhi perkara berikut bagi pembayaran melalui Arahan Pembayaran (Kew.330E):

- i. Menyediakan Arahan Pembayaran (Kew.330E), jenis dokumen - Invois Tanpa Pesanan Kerajaan (K2) beserta Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew.8) dan dokumen sokongan yang lain; dan
- ii. Memastikan pegawai awam yang dibayar melalui Arahan Pembayaran (Kew.330E) menerima bayaran pada 17 Januari 2023; dan
- iii. Memastikan tiada kecaciran dalam pembayaran kepada pegawai awam yang dibayar melalui Arahan Pembayaran (Kew.330E).

4. Kod urus niaga yang perlu digunakan bagi BKK 2023 adalah seperti berikut:

Kod Elaun ( <i>Payroll</i> )	Kod Akaun	Perihal Kod
1072	B0117102	Bantuan Khas Kewangan Kakitangan Awam
1072	B0117202	Bantuan Khas Kewangan Pasukan Keselamatan
1072	B0229306	Pemberian Khas Pekerja Sementara atau Sambilan atau Yang Tidak Menyandang Jawatan Tetap


Komitmen dan perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr/ Tuan/ Puan ke atas perkara ini adalah dihargai bagi memastikan BKK 2023 dapat dibayar dengan lancar. Sebarang pertanyaan berhubung BKK 2023 boleh merujuk kepada Unit Gaji Jabatan ini.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

***"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"***

Saya yang menjalankan amanah,



**NOORAKMAR BINTI HUSSIN A.M.P, C.A.(M), CPA (Aust.)**

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Perak

E-mel : [pneg\\_prk@anm.gov.my](mailto:pneg_prk@anm.gov.my)

Tel. : 05-246 2115